



Tahun 3 Bilangan 18

1 November, 1958.

HARAPAN PERTANIAN BRUNEI TIDAK BAGITU TIPIS.

PERASAAN chemas telah timbul di kalangan rakyat dan pihak yang bertanggung jawab, akibat berita dan ulasan2 yang di-siarkan oleh satengah2 akhbar tempatan. baharu2 ini bahawa Brunei sadi-

kit sahaja harapan-nya hendak menjadi sa-buah negeri pertanian yang mewah pada masa yang akan datang.

Berita dan ulasan2 itu telah di-asaskan pada laporan badan penyiasat Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation berkenaan dengan kegunaan baja dan tanah yang telah menjalankan penyiasatan-nya atas dua kawasan yang di-fikirkan sa-suai untuk di-jadikan tanah pertanian.

Sungguh pun tidak dapat di-nafikan kebenaran berita dan pendapat2 itu tetapi yang di-kesali ia-lah tinjauan yang lebih dalam, sa-lain dari mengambil simpulan dari angka2 dalam laporan itu, tidak di-ambil oleh pemberita2 dan mereka yang telah mengulas pendapat dalam laporan tersebut.

Beratus ribu ekar.

Dua kawasan yang di-dapati oleh badan penyiasat itu sa-bagai tidak sa-suai lagi untuk pertanian kerana baja-nya kurang baik itu berjumlah hanya sa-bahagian kecil sahaja dari tanah yang boleh di-jadikan kampung dan kawasan pertanian di-negeri ini. Beratus ribu ekar lagi masih belum di-siasat baja-nya dan ada kemungkinan bahawa tanah2 itu kaya baja-nya dan yang demikian baik untuk di-jadikan kawasan2 pertanian kelak.

Langkah kerajaan mengadakan penyiasatan itu ia-lah kerana perlu memandang jauh ka-hadapan, pada hari minyak yang sekarang ini memanchut keluar dari bumi Seria itu tidak lagi mendatangkan hasil yang besar dan rakyat negeri ini terpaksa berpaling kepada perusahaan pertanian untuk menjamin kema'amoran negeri ini.

Bagi menghapuskan perasaan chemas itu ada-lah di-tegaskan bahawa harapan Negeri Brunei hendak menjadi sa-buah negeri yang berkecukupan makanan dari perusahaan pertanian-nya sendiri untuk penduduk2 yang

BRUNEI JADI PANGKALAN BORNEO?

PESURUH Jaya Perkembangan Negeri Brunei, Tuan E. R. Bevington, tatkala mengulas kemajuan kerja2 yang di-jalankan di-bawah ranchangan lima tahun pertama yang di-lancarkan dalam tahun 1953 itu berkata bahawa semua kerja hampir telah siap.

Di-bawah ranchangan lima tahun itu kerja2 yang di-anggarkan memakan belanja sa-banyak \$100 juta ada-lah di-jadualkan untok di-selesaikan menjelang hujung tahun 1958 ini.

Tuan Bevington yang mengarahkan kerja2 itu semenjak tahun 1954 telah meninggalkan Brunei kerana bertukar ka-Pulau Fiji menjadi Setiausaha Kewangan Kerajaan Fiji.

Tuan Bevington berkata:

"Ranchangan itu hampir selesai sekarang. Kerja2 besar yang belum selesai lagi ia-lah ranchangan jalan. Sunggoh pun demikian kita sekarang boleh pergi ka-Seria melalui jalan raya dan pada hujung tahun ini boleh-lah kita pergi ka Seria dengan tidak menggunakan ferry itu lagi.

Sekolah2 di-perbesarkan.

Pembinaan sekolah SOAS College di-Brunei dan sekolah Sir Anthony Abell di-Seria juga hampir siap sekarang.

Sunggoh pun penyata badan penyiasat baja dantanah dari Commonwealth Scientific and Industrial Research itu telah membimbangkan hati oleh sebab pendapat-nya mengatikan bahawa baja tanah di-negeri ini kurang baik untok pertanian, Tuan Bevington berfikir, kita mungkin mendapat hasil yang lebih besar dari tanah dengan menggunakan baja penyubor.

Dan sa-kira-nya pertanian itu tidak dapat menyelesaikan soal itu, negeri ini harus pula menimbangkan penubohan perusahaan2 kecil.

"Di-Batu Gasing telah di-jumpai batu kapur dan di-Tutong ada pasir yang boleh di-jadikan glass yang baik mutu-nya," kata Tuan Bevington.

Brunei, kata Tuan Bevington lagi, mempunyai wang untok membina sa-buah pelabohan yang dalam ayer-nya dan apabila pelabohan itu di-bena, negeri ini mungkin menjadi pangkalan perbekalan kepada lain2 kawasan Borneo.

Perniagaan pelabohan.

Pelabohan yang di-chadangkan itu akan memakan belanja bersamaan dengan lima atau enam bulan hasil, tetapi keuntungan yang akan di-peroleh dari perniagaan pelabohan itu akan lebih dari faedah yang boleh di-dapati jika wang itu di-simpan untok mengeluarkan faedah sahaja.

Kesihatan penduduk2 negeri ini telah mendapat perhatian istimewa dari Pejabat Perubatan yang berchadig hendak membina beberapa buah rumah sakit lagi.

"Satu kampen telah pun di-lancarkan untok menchegeh penyakit kekurangan zat makan dan batok kering, kata Tuan Bevington.

.....

GERAKAN MENYUMPIT ANJING.

SATU kampen hendak menghapuskan anjing2 yang tidak bertuan dan tidak berlesen yang berkeliaran di-kawasan Municipal Brunei sedang di-jalankan.

Langkah itu di-ambil kerana hendak menjauhi bahaya penyakit anjing gila. Anjing2 yang berkeliaran itu di-bunuh dengan di-sumpit.

Orang2 yang menyimpan anjing yang tidak berlesen ada-lah di-ditangguhkan mengambil lesen supaya bintang2 itu tidak di-sumpit apabila di-jumpai berkeliaran kelak.

PAKAR2 PELAJARAN BERSIDANG DI-BRUNEI



Pengarah2 Pelajaran lima buah negeri Commonwealth di-Tenggara Asia yang melangsungkan persidangan tahunan ke-9 mereka di-Bandar Brunei pada 13 hingga 16 October lepas telah melawat masjid baharu Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei. Mereka itu telah di-pandu oleh Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib setiausaha jawatan kuasa istiadat pembukaan masjid itu. Dari kiri ia-lah: Tuan D.N.S. Crozier (Hongkong), Inche Jamil, Tuan G.P.Darke (Singapura), Tuan P.W.Spicer (Brunei) dan Tuan M.G. Dickson (Sarawak).

.....

Tuan D.N.S. Crozier, wakil dari Hongkong bersalaman dengan Puan Zaitoneh binti Abdul Khan, Guru Besar sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah tatkala rombongan pakar2 pelajaran dari lima buah negeri Commonwealth di-Tenggara Asia yang bersidang di-Brunei itu melawat sekolah tersebut pada 12.10.58.

Bersama Tuan Crozier ia-lah Tuan J.N.Davies, sa-orang pemerhati dari Persekutuan Tanah Melayu dan Tuan H.J.Padmore, wakil Brunei ka-persidangan.

.....

TIGA BULAN PENJARA

Sa-orang kerani dari Pejabat Perbekalan Negeri, Shariff Hamid bin Sharif Masdok, telah di-kenakan hukuman penjara tiga bulan oleh Magistrate, Tuan R.G.P.N.Combe di-Bandar Brunei pada 22.10.58 kerana kesalahan memalsukan borang padi kerajaan, AP.No.1/58 pada 20.1.58.

Shariff telah di-benarkan jamin sa-banyak \$500 atas satu tanggunga sa-telah permohonan-nya meminta ulang bichara di-terima oleh mahkamah. Dalam tuduhan ia di-katakan telah berniat hendak menipu dengan memalsukan impot permit (kebenaran impot) atas 2,000 guni padi baharu pada hal permintaan itu ia-lah atas 100 guni beras pulut.

DERMASISWA DARI AMERIKA SHARIKAT.

BERAPA buah university dan college Amerika menawarkan scholarship sa-lama sa-tahun kepada penuntut2 yang kekal tinggal di-Brunei, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura.

Scholarship itu termasuk bayaran makan, tempat tidor dan bayaran belajar.

Akan tetapi calon2 yang berjaya mendapat scholarship itu ada-lah di-kehendaki membayar sendiri perbelanjaan2 lain termasuk tambang pergi dan balik dari Amerika Sharikat.

Scholarship atau dermasiswa yang di-tawarkan itu ia-lah untuk pengajian tahun 1959-60 yang di-mulakan dalam bulan September, 1959. Penuntut2 yang hendak memohonkan scholarship itu hendak-lah berkelayakan seperti berikut:

- * Bukan Lulusan University - Sijil Cambridge School Certificate Grade I atau II atau sijil yang bersamaan dengan sijil sekolah menengah China dan berumur kurang dari 22 tahun.
- * Lulusan University - Izajah B.A. atau B.Sc. dan berumur kurang dari 32 tahun.

Borang2 permohonan boleh di-minta dari United States Information Service, 6 Cecil Street, Singapore, 1.

.....

PAKAR MATA MELAWAT BRUNEI.

Pakar Mata, Dr. E.R.Wallace, akan datang ke-Brunei pada 2 November untuk memeriksa dan merawat orang2 yang menghidap penyakit mata di-clinic mata, rumah sakit besar, Bandar Brunei dan rumah sakit Kuala Belait.

Dr. Wallace akan berada di-Bandar Brunei dari 2 hingga 12 November dan di-Kuala Belait dari 13 hingga 22 November.

Beliau akan juga merawat dan membelah jika perlu orang2 yang menghidap penyakit mata di-ke-dua buah rumah sakit itu.

Orang2 yang hendak bertemu Dr. Wallace ada-lah di-minta datang ke-pejabat out-patient di-rumah2 sakit tersebut pada tarikh2 yang telah di-tetapkan itu.

.....

dari muka 1.

berjumlah lebih kurang 70,000 orang itu tidak-lah begitu buruk seperti yang telah di-gambarkan oleh akhbar2 tempatan itu.

Di-Mulaut sahaja 8,000 ekar tanah akan di-buka di-bawah rancangan tali ayer dan ampangan Sungai Mulaut dan lebih 3,600 ekar tanah di-situ telah pun mendapat bekalan ayer dan di-usulkan oleh rakyat dalam tahun ini.

Sa-lain dari itu penduduk2 negeri ini mempunyai hampir 7,000 ekar tanah lain yang tiap2 tahun di-tanam dengan padi tugal dan padi paya. Hasil-nya pada masa ini kecil, kurang dari 200 gantang sa-ekar (padi paya 241 gantang dan padi tugal 137 gantang sa-ekar) jika di-hitung panjang, tetapi dengan bantuan sains dan chara2 pertanian moden yang di-majukan oleh Pejabat Tanaman Negeri Brunei, hasil keluaran padi dari kawasan2 persawahan yang ada sekarang ini sudah tentu akan bertambah tidak lama lagi.

ANAK2 NEGERI DI-GALAKKAN BERTERNAK.

DALAM rancangan Pejabat Tanaman hendak membanyakkan mata pencharian anak2 negeri ini terutama-nya penduduk2 kampung usaha menternak hidupan2 seperti ayam, kerbau, lembu dan sa-bagai-nya ada-lah di-utamakan di-pusat2 perchubaaan tanaman di-seluruh negeri ini.

Pusat2 itu terbuka untuk di-lawati dan kaki-tangan-nya bersedia memberi panduan bila2 di-kehendaki oleh rakyat.

Di-pusat perchubaaan tanaman di-Kilanas, mithal-nya, ada di-jalankan perchubaaan menternak ayam supaya ayam2 kampung yang maseh belum biak dan kurang baik itu dapat di-biak dan menetaskan anak2 yang lebih baik.

Rakyat ada-lah di-jemput mengunjungri pusat tersebut untuk memerhati-kan bagaimana hendak mendapat anak2 ayam yang baik dari baka ayam2 yang baik.

Untuk menjamin supaya rakyat tidak kerugian menternak ayam apabila datang penyakit bulan tujuh atau penyakit sampar, Pejabat Tanaman member pertolongan perchuma menchuchok ubat supaya ayam penduduk2 kampung terkawal dari penyakit tersebut.

Di-Kilanas juga di-adakan perchubaaan memelihara ikan tilapia yang lekas besar dan biak dalam masa tiga hingga tiga bulan sa-tengah itu. Sa-lain dari ikan tilapia di-Kilanas juga sedang di-jalankan perchubaaan memelihara ikan2 jenis carp dan gurami.

BERANAK DAN KEMATIAN WAJIB DI-REPOTKAN.

Angka2 statistik yang mustahak yang di-susun oleh Pegawai Kesihatan Brunei itu di-dapati tidak betul oleh sebab kematian2 yang berlaku di-kampung2 tidak semua-nya di-repotkan.

Baharu2 ini pekerja2 yang bergaji hari dari beberapa pejabat tidak datang menerima gaji mereka kerana mereka itu telah meninggal dunia. Satengah2 kematian itu tidak di-repotkan dengan segera.

Pegawai Kesihatan itu berkehendakkan orang2 yang bertanggung jawab merepotkan satu2 kematian kepada-nya supaya dapat di-siasat sama ada kematian itu telah di-daftarkan atau tidak.

Pendaftaran beranak dan mati di-tetapkan oleh Undang2 dan kewajipan penduduk2 negeri ia-lah merepotkan perkara itu apabila berlaku.

.....

KENANGAN PERANG.

Hari kenangan perang pada tahun ini jatuh pada hari Ahad, 9 November. Sembahyang hari kenangan itu akan di-adakan di-Gereja St. Andrew, Bandar Brunei, pada pukul 11 pagi.

Jualan bunga poppy akan di-jalankan di-seluruh negeri pada hari Sabtu, 8 November.

Jajual wayang gambar Pejabat Penerangan Brunei bagi bulan November ia-lah:

1 November, Sekolah Melayu Sungai Hanching; 3 November, Sekolah Melayu, Masin; 5 November, Sekolah Melayu, Mura; 6 November, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong; 10 November, Sekolah Melayu, Bangar, Temburong; 11 November, Sekolah Melayu Biang Estate, Temburong dan 12 November, Sekolah Melayu Batu Apoi, Temburong.

X \$70 JUTA UNTOK JALAN2 RAYA.

KERAJAAN Brunei akan membelanjakan lebih kurang \$70,000,000 untok membena jalan2 raya kerana kemudahan perhubungan raayat di-seluruh negeri ini.

Ini telah di-nyatakan oleh Ketua Pejabat Kerja Raya, Brunei, Tuan G.T. Myles, dalam risalah-nya membincangkan kesulitan2 pejabat itu dalam usaha-nya hendak membena jalan2 raya di-negeri ini.

Menurut rancangan perkembangan negeri ini, jalan2 raya yang akan di-bena di-seluruh negeri ini ia-lah 280 batu semua-nya.

Jalan2 itu di-bena dengan bersungguh2 mulai dari tahun 1953 dan semenjak itu lebih 100 batu telah di-buka. Jalan yang penting sa-kali yang telah di-buka ia-lah jalan yang menghubungkan Bandar Brunei dengan Seria dan Kuala Belait. Jalan itu 78 batu panjang-nya.

Jalan ka-Berakas yang sa-jauh 9 $\frac{1}{2}$ batu itu telah juga di-buka dan lebih kurang 20 batu jalan2 raya di-Bandar Brunei telah di-bena semenjak tahun 1953.

Pembenaan jalan di-Brunei ini menghadapi berbagai2 korunitan kerana negeri ini tidak mempunyai batu yang sa-suai untok di-jadikan asas jalan2 itu.

Berbagai2 bahan telah di-chuba; di-antara-nya ia-lah batu karang dan batu pasir. Batu karang itu di-dapati dari Telok Brunei dan yang demikian mahal harga-nya. Batu pasir itu pula sangat repoi untok di-jadikan asas jalan2 yang di-gunakan oleh kenderaan yang berat dan batu itu mudah sahaja pechah apabila di-timpa hujan.

Pejabat Kerja Raya akhir-nya telah menchuba semen. Semen itu di-champorkan dengan tanah supaya tanah itu keras dan tahan di-jadikan asas jalan2 raya di-Brunei.

Champoran semen dengan tanah itu telah menggantikan batu pejal sa-bagai asas kepada jalan2 raya yang di-gunakan oleh kereta2 dan lori2 yang berat yang sentiasa menggunakan jalan2 negeri ini.

Apabila rancangan pembenaan jalan itu siap kelak Brunei akan mendapat perhubungan jalan raya dengan Temburong melalui jalan yang merintanggi kawasan Limbang, Sarawak, ka-Bangar di-daerah Temburong. Jalan itu akan merintanggi Daerah Temburong hingga ka-Lawas di-Sarawak.

Jalan2 akan juga di-bena untok menghubungkan Labi dan lain2 kawasan kampong dengan bandar2 di-seluruh Negeri Brunei.

.....

X D.Y.M.M. DI-JEMPUT MENJADI PENANGG PEMUDA PEMUDI

CLUB Pemuda Pemudi Seria dan Club Pemuda Pemudi Bethel Mission telah di-buka dengan resmi-nya pada 21 October dalam mesnuarat yang di-hadhiri oleh pegawai2 kerajaan dan pemimpin2 kaum di-bangunan Pandu Puteri, Seria pada tarikh tersebut.

Para peserta telah mengambil keputusan hendak menjemput Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menjadi penangg club itu.

Di-antara para peserta mesnuarat itu ia-lah Pegawai Daerah Seria, Inche Abdul Ghani bin Hassan, Yang di-Pertua Perseatuan Indian, Belait, Tuan P.Gopal, Guru2 Besar dari Seria, wakil2 sharikat Brunei Shell Petroleum dan Pastor Robinson.

Club itu menerima masuk menjadi ahli2-nya pemuda pemudi dari semua bangsa yang berumur di-antara 12 tahun dengan 20 tahun. Pegawai2 kananya ia-lah: Yang di-Pertua, Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Naib Yang di-Pertua, Pastor Robinson, Setiausaha dan Penyimpan Wang Puan Robinson.

PENYAKIT LUMPOH TA' MUNGKIN MEREBAK KA-BRUNEI. *

PEGA^{TAI} Perubatan Negeri Brunei, Dr. M.T.Read, telah menerangkan bahawa penyakit lumpoh yang wabak pada masa ini di-Singapura itu tidak mungkin merebak ka-Brunei.

Dalam satu kenyataan baharu2 ini Dr. Read telah membutirkan langkah2 yang di-ambil oleh Pejabat Perubatan dan Kesihatan Brunei untuk menja- uhi penyakit itu dari negeri ini.

Dr. Read berkata:

"Tidak mungkin wabak penyakit lumpoh di-Singapura itu merebak ka- Brunei sungguh pun penyakit itu di-dapati juga di-Borneo dan munchul dari masa ka-masa. Yang demikian jika penyakit itu di-dapati dalam masa beberapa bulan yang akan datang ini jangan-lah di-bimbangkan bahawa penyakit itu telah merebak.

"Penyakit lumpoh itu lazim-nya mendatangkan demam, sakit kepala dan tegang sa-kumpulan urat. Ibu bapa ada-lah di-nasihatkan membawa anak2 mereka bertemu doktor jika anak2 mereka itu demam dan tidak sedap badan."

Dr. Read berkata lagi bahawa Pejabat Perubatan dan Kesihatan sekarang in waspada memerhatikan penyakit2 yang harus menimbulkan penyakit lumpoh itu dan sa-kira-nya penyakit itu munchul langkah yang serta merta akan di-ambil untuk menjauhi-nya.

Dalam pada itu orang ramai ada-lah di-ingatkan supaya menjaga makanan, mentah atau sudah di-masak, dari di-hinggapi oleh lalat dan menggunakan periok belanga, pinggan mangkok dan sudu yang berseh.

Mereka hendak-lah juga membasoh tangan apabila hendak makan dan menjaga kebersehan badan, rumah, sekolah, kedai, gudang2 dan tempat2 orng ramai berhimpun.

.....

Concert music di-SOAS College. X

Dua orang ahli bunyian yang mashhor ia-itu Merta Zelan, sa-orang ahli piano dan Maurice Clare, sa-orang ahli violin, ada-lah di-jadual- kan bermain di-dewan SOAS College, Bandar Brunei, pada hariThalatha 4 November ini pada pukul 8 malam.

Ini-lah kali pertama-nya ahli2 bunyian yang mashhor mempertunjukkan permainan mereka di-Brunei.

Yang demikian penganjor2-nya dan peminat2 seni musik berharap supaya orang ramai menyokong pertunjukan itu dengan membeli tiket dan menyak- sikan ahli2 bunyian itu bermain. Jika sambutan baik pertunjukan2 saperti itu akan di-uruskan dari masa ka-masa.

Tiket2 berharga \$3, \$2 dan \$1 boleh di-beli di-SOAS College, Pejabat Pelajaran, sekolah SMJA dan sekolah menengah China, Bandar Brunei.

.....

RENGKASAN

Tuan W.I. Glass telah di-lantek menjadi Pemangku Pengelola Pejabat Penerbangan Awam, Brunei dari 22.10.1958.

.....

Inche Mat Noor bin Aston telah di-lantek menjadi setiausaha, Lembaga Municipal, Bandar Brunei dari 1.9.1957.

.....

Inche Alias bin Patrick Jupp telah di-lantek menjadi setiausaha, Lembaga Municipal, Kuala Belait dari 1.10.1955.

X DASAR BRUNEI ATAS PERSEKUTUAN.

DULI Yang Maha Mulia Al-Sultan telah menjelaskan bahawa sa-chara resmi Baginda belum lagi mengetahui ranchangan hendak menubuhkan Persekutuan Borneo yang mengandongi Brunei, Sarawak dan Borneo Utara sa-bagai negeri2 penyerta-nya.

Penjelasan itu telah di-beri oleh Baginda dalam temu-ramah di-Istana Darul Hana baharu2 ini dengan sa-orang pemberita akhbar Straits Times.

Ranchangan Persekutuan kawasan2 British di-Borneo itu telah di-suarakan oleh kedua2 orang Gabnor Sarawak dan Borneo Utara dan perundingan2 di-antara mereka telah pun di-adakan.

Baginda berkata: "Raayat Brunei berasa bahawa satu pertalian erat sentiasa menghubungkan Brunei dengan Malaya. Pertalian itu kuat oleh sebab raayat kedua2 buah negeri itu mempunyai satu ugama, satu keturunan, satu bahasa dan satu sejarah."

"Pertalian itu telah di-kokohkan lagi dari masa ka-masa oleh perkahwinan ahli2 kerabat Diraja Brunei dengan kerabat Diraja Malaya."

Kemajuan Kampong.

Berkenaan dengan ranchangan perkembangan negeri Brunei yang memerlukan perkhidmatan pegawai2 expatriate bagi melaksanakan-nya, Baginda menyedari bahawa yang mustahak di-kehendaki sekarang ini ialah pegawai2 yang boleh melateh anak2 Brunei untuk memegang jawatan2 yang bertanggung jawab di-negeri ini.

"Dalam perkara ini pegawai2 dari Malaya boleh memberi bantuan besar terutama-nya mengenai dasar kemajuan kampong2 Brunei," kata Baginda.

Baginda telah membayangkan bahawa sa-buah badan seperti Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan yang nampak-nya mendapat kejayaan di-Malaya itu ada-lah mustahak di-tubuhkan di-Brunei.

Tetapi lembaga itu hendak-lah di-beri pegawai2 yang berbahasa Melayu dan boleh berdamping dengan orang2 kampong supaya mereka itu menaruh keperchayaan pada pegawai2 tersebut. "Pegawai2 dari Malaya dapat memenuhi syarat2 itu," kata Baginda.

Pegawai2 dari seberang laut itu kata Baginda datang berkhidmat di-Brunei mengikut dasar kerajaan hendak memberi latehan kepada anak2 Brunei.

"Latehan itu berjalan dengan baik dan dengan sa-berapa chepat yang boleh kerana kepentingan negeri pada masa hadapan," kata Baginda.

.....

X PESUROHJAYA TINGGI INDIA MELAWAT BRUNEI.

TUAN S.K.Banerji, Pesurohjaya Tinggi India di-Malaya telah mengunjongi Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana pada petang 25.10.50 sa-jurus lepas beliau sampai di-Bandar Brunei dari Seria.

Tuan Banjeri yang di-perkenalkan kepada Baginda oleh British Resident, Brunei, Tuan D.C. White, telah bercheramah dengan Baginda lebeh sa-tengah jam lama-nya.

Tuan Banerji yang baharu sahaja di-lantek oleh Kerajaan India menjadi Pesurohjaya Tinggi negeri itu di-Malaya juga bertanggung jawan atas hal ahwal India di-kawasan2 British Borneo.

Pada malam-nya beliau telah di-ra'ikan oleh kaum Indian Bandar Brunei di-Brunei Hotel. Lebeh lima puloh orang telah hadir; di-antara-nya ia-lah Tuan K.K.Menon, Yang di-Pertua Persatuan Indian Bandar Brunei, Tuan D.C. White, Tuan E.W. Cousens, Pegawai Kewangan Brunei dan isteri, Tuan E.Rajaratnam, Jurutera Electric Negeri Brunei dan Pengiran Mohamed Yusuf, Pegawai Penerangan Brunei.